



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI DR ADHAM BABA
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN
INOVASI**

**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL
(CSR) DAN IHYA' RAMADAN BERSAMA
PUSAT PEMULIHAN KOMUNITI (PDK)
BANDAR TENGGARA**

**24 APRIL 2022 (AHAD)
6 PETANG**

**PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI
(PDK) BANDAR TENGGARA, JOHOR**

(SALUTASI—AKAN DIKEMASKINI)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita bersua pada bulan yang mulia ini untuk menjayakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat dan Ihya' Ramadan bersama Pusat Pemulihan Komuniti (PDK) Bandar Tenggara.
2. Sekalung penghargaan kepada Agensi Nuklear Malaysia dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB), agensi-agensi di bawah MOSTI yang telah menggembeleng tenaga bagi menjayakan program dalam bulan Ramadan penuh keberkatan ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

3. Pada hari ini kita menyantuni seramai 65 warga di PDK ini daripada pelbagai peringkat usia. Untuk makluman, PDK ini menyediakan program-program pembangunan komuniti setempat bagi usaha pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya.

4. Program-program yang dilaksanakan adalah usaha bersepadu bukan sahaja warganya malah dengan penglibatan ahli keluarga, komuniti serta perkhidmatan pendidikan vokasional dan sosial yang bersesuaian. PDK ini menyediakan warganya dengan pelbagai kemahiran agar mereka dapat berdikari dan berpeluang untuk bekerja dan menjana mata pencarian. Sesungguhnya usaha PDK ini wajar dipuji. Tahniah dan syabas diucapkan.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

5. Selain dapat berbuka puasa bersama-sama, program pada hari ini juga merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan menerusi Nuklear Malaysia dan AELB ini juga adalah sebagai komitmen MOSTI untuk memastikan tiada individu atau golongan yang tercicir.
6. Selain itu, program ini turut menjadi platform untuk perkongsian ilmu maklumat-maklumat berkenaan Nuklear Malaysia dan AELB ke arah membudayakan sains dan memperkasakan sains, teknologi dan inovasi.
7. Berbekalkan semangat Keluarga Malaysia yang diilhamkan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri

Yaakob, MOSTI mengajurkan program sebegini sebagai antara inisiatif penyampaian maklumat yang berkesan agar penyebaran informasi sampai ke peringkat akar umbi.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

8. Secara umumnya, masih ramai kurang menyedari peranan besar teknologi nuklear kepada manusia. Kalau saya dapat berikan contoh yang dekat di hati rakyat, sudah pasti sektor kesihatan. Tahukah anda aplikasi teknologi nuklear dapat menawarkan penyelesaian bagi penyakit seperti kanser?
9. Untuk makluman, Nuklear Malaysia telah menghasilkan radio isotop Samarium 153 bersama kit EDTMP untuk rawatan paliatif pesakit kanser. Samarium 153 ini digunakan untuk membantu melegakan kesakitan tulang bagi pesakit yang menghidapi penyakit kanser tahap kronik. Antara kelebihanannya adalah ia dapat memberi penambahbaikan ketara skor kesakitan kepada pesakit. Samarium ini akan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan analgesik narkotik dan yang pastinya, Samarium 153 selamat digunakan.
10. Di sini, Nuklear Malaysia yang merupakan agensi di bawah MOSTI memainkan peranan yang besar dan memberi

dimensi yang baharu kepada landskap perubatan negara kita kerana dapat menjimatkan kos di mana ubat yang diperlukan tidak perlu lagi diimport dari luar negara.

11. Selain sektor perubatan, suka juga saya maklumkan bahawa Nuklear Malaysia turut menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan beberapa produk biokomposit iaitu bahan baru berasaskan serat semula jadi yang diadun bersama-sama bahan plastik tersinar dan digabungkan dengan partikel nano. Bahan komposit ini telah dipertingkatkan sifat seperti kekuatan dan ketegaran, ketahanan air, sifat mekanik, sifat terma serta sifat fizikal. Bahan ini juga mudah diproses dan dibentuk menjadi produk yang diperlukan.
12. Antara produk bahan biokomposit yang dihasilkan bagi kegunaan pelbagai sektor adalah seperti:
 - a. Struktur penahan benteng/ tebing sungai iaitu *Riveprotec* yang dipasang untuk menahan hakisan tebing sungai selepas banjir;
 - b. Struktur bangunan berasaskan biokomposit. Nuklear Malaysia dengan kerjasama syarikat swasta kini sedang membangunkan produk *Industrial building System (IBS)* biokomposit polimer dan fiber kenaf;

- c. Perabot sekolah berasaskan biokomposit dari bahan komposit polimer dan sekam padi;
 - d. Struktur terapung pelbagai guna seperti sangkar ikan untuk akuakultur; dan
 - e. Biokomposit sebagai sokongan tanaman untuk penanaman lada di Sabah.
- 13. Suka saya umumkan di sini, pada bulan hadapan, MOSTI menerusi Nuklear Malaysia akan melancarkan bagang penangkapan bilis terapung biokomposit di Kota Belud. Projek ini adalah hasil dari projek Malaysia Social Innovation yang dijalankan oleh Nuklear Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia. Projek ini akan memberi peluang pendapatan baharu kepada Veteran Tentera Laut DiRaja Malaysia Sabah seramai lebih 100 orang.**
- 14. Selain itu, projek ini juga merupakan pemula kepada pembangunan struktur terapung lestari di kawasan tersebut untuk dimajukan kepada penternakan akuakultur marin dan juga sektor pelancongan akua atau *aquatourism*. Limpahan dari pembangunan ini**

akan membuka manfaat kepada kebanyakan rakyat di Sabah dan juga model pembangunan ekonomi yang sama boleh dilaksanakan di Semenanjung Malaysia terutamanya di Johor.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Menerusi AELB pula, antara inisiatif yang sedang giat dijalankan adalah Pembangunan Pusat Kemudahan Latihan Simulasi Pasukan Tindak Balas Nuklear. Projek ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan dan mengekalkan keupayaan pasukan terhadap tindak balas nuklear dalam menangani kejadian radiologi dan nuklear.
16. Selain itu, untuk rakyat di negeri Johor, keberadaan pusat operasi AELB di Pejabat Cawangan Kulai akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada rakyat terutama dalam perkhidmatan pelesenan dan penguatkuasaan tenaga atom.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi,

17. Di kesempatan ini, saya berharap tenaga pengajar di PDK ini meneruskan usaha murni untuk melatih warganya kemahiran-kemahiran yang diperlukan, yang mampu

dijadikan bekal dalam kehidupan. Segala usaha ini pasti membuahkan hasil dan saya mendoakan agar Allah SWT memberikan ganjaran di atas khidmat, budi dan jasa tuan-tuan dan puan-puan.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.